

# REAKSI ORANG MUDA

**Peminjam yang ingkar sepatutnya mengambil peluang daripada kelonggaran yang diberi oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sehingga Januari 2015 untuk mereka melunaskan hutang. Setujukah?**



"APA yang dimaksudkan dengan melunaskan hutang bukanlah bermakna mereka harus membayar jumlah keseluruhan pinjaman tetapi cukup sekadar membayar premium bulanan. Sebagai contoh, pelajar yang mengikuti empat tahun pengajian di IPTA (institusi pengajian tinggi awam) secara puratanya akan membuat pembiayaan sebanyak RM26,000 dan dikehendaki membayar premium bulanan RM166 untuk tempoh 180 bulan selepas enam bulan tamat pengajian."

**MUHAMMAD AMIRUL ROSLI**  
Universiti Sains Malaysia



lebih bijak mengawal perbelanjaan. Mereka perlu bertanggungjawab terhadap hutang sendiri."

**FASIHAH ZAFIRAH ABD. SAMAD**  
Kolej Islam Antarabangsa

"SETUJU tetapi ikut kemampuan individu tersebut. Peluang sebegini bergantung kepada pendapatan. Sebenarnya peminjam perlu

"PEMINJAM harus sedar kepentingan membayar balik hutang pendidikan mereka. Ini juga bagi mengelak peminjam yang ingkar disenaraikan dalam CCRIS (Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat) dan agensi rujukan kredit, CTOS (Credit Tip Off Service Sdn. Bhd)."

**AISYAH AZLINA ZAINOREN**  
Universiti Kebangsaan Malaysia



"PEMINJAM patut menggunakan peluang ini untuk melunaskan hutang masing-masing. Kerana walau apapun situasi peminjam, hutang pendidikan memang perlu dilunaskan, jadi ini berita baik kepada peminjam untuk mula membayar hutang mereka di saat-saat PTPTN masih memberi kelonggaran kepada mereka."

**SITI NAZZUA BANI ISMAIL**  
Universiti Teknologi Mara



"PEMINJAM yang ingkar ini patut mengambil peluang untuk mula melunaskan hutang mereka dengan membuat bayaran bulanan secara teratur. Rundingan tempoh bayaran balik yang fleksibel membolehkan peminjam merancang kewangan mereka dengan baik."

**MUHAMAD NOR NASHUHA  
ZAINUL BAHRI**  
Politeknik Seberang Perai

"SAYA tidak bersetuju mereka mengabaikan bayaran semula PTPTN sekiranya mereka mempunyai kerjaya dan mampu

melunaskan hutang tersebut. Ini berbeza dengan pelajar lepasan diploma yang masih meneruskan pengajian di peringkat ijazah sarjana mudah kerana faktor kewangan pelajar masih belum kukuh seperti golongan yang sudah bekerja. Saya juga merupakan salah seorang daripada peminjam PTPTN yang wajib membayar hutang tersebut."

**MUHAMMAD KHAIRUL  
REZWAN ABDUL RAHMAN**  
Universiti Malaysia Perlis



"BERCAKAP soal hutang PTPTN, semua pihak hendaklah bertanggungjawab dan memainkan peranan mereka. Saya yakin ramai terbebani dengan hutang tetapi tidak perlulah membebankan orang lain. Mahasiswa di luar sana masih ramai memerlukan pinjaman PTPTN. Oleh itu peluang diberikan untuk membayar balik hutang ini harus dipandang serius."

**MOHD. IKHWANUL SHAFIQ  
MOHD. FUDZI**  
Universiti Tun Hussein Onn  
Malaysia

